



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022

EKONOMI

Kertas 1

November

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C dan D**.*
4. *Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

KERTAS 1 | SET 1


1 Pasangan manakah yang betul tentang faktor pengeluaran berikut faktor pengeluaran

	Faktor Pengeluaran	Keterangan
A	Modal	Input produktif yang digunakan dalam proses pengeluaran
B	Tanah	Sumber yang diperlukan dalam pengeluaran dan penawarannya tidak terhad
C	Buruh	Individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan input
D	Usahawan	Individu yang memberi sumbangan produktif sama ada dalam bentuk fizikal dan mental

2 Apakah implikasi yang dihadapi oleh firma apabila membuat pilihan?

- A Bayaran untuk mengeluarkan seunit output
- B Pilihan input yang digunakan dalam proses pengeluaran
- C Output yang tidak dipilih bagi mendapatkan output terbaik
- D Perbelanjaan yang ditanggung untuk menghasilkan barang

3 Rajah di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)



Pernyataan yang manakah yang betul berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik W menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
 - II Titik C menunjukkan situasi berlakunya kos lepas
 - III Titik Z menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam pengeluaran
 - IV Titik ABCDE menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh CAFE DILLA SDN BERHAD.

CAFE DILLA telah mengeluarkan beberapa pastri dan kek. Pekerja yang bekerja di kafe tersebut terdiri daripada 6 orang pekerja wanita dan 2 orang pekerja lelaki tempatan.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- I Apakah yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Maklumat berikut berkaitan ciri sistem ekonomi sebuah negara

- Wujud persaingan antara firma
- Kerajaan mengawal harga melalui sistem cukai dan subsidi

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A Islam
- B Pasaran Bebas
- C Campuran
- D Perancangan Pusat

- 6 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan ciri sebuah sistem ekonomi

- Wujud persaingan antara firma
- Matlamat utama firma adalah memaksimumkan keuntungan


Bagaimanakah sistem ekonomi di atas menyelesaikan masalah asas ekonomi

- I Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
 - II Kuantiti barang ditentukan oleh pengguna
 - III Kaedah pengeluaran berdasarkan untung maksimum
 - IV Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7 Antara berikut yang manakah akan mengurangkan permintaan terhadap ayam

- A Harga daging lembu menurun
- B Pendapatan individu meningkat
- C Perubahan dalam teknologi penternakan
- D Kerajaan memberikan subsidi kepada penternak ayam


8 Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan barang W



Apakah yang akan berlaku ke atas titik pada keluk permintaan jika kempen promosi yang dijalankan untuk barang W mencapai kejayaan?

- A Titik G beralih ke titik H
- B Titik G beralih ke titik E
- C Titik F beralih ke titik G
- D Titik F beralih ke titik E

9 Rajah di bawah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan



Tindakan kerajaan yang manakah menyebabkan perubahan tersebut?

- A Mengetatkan syarat sewa beli

- B Mengurangkan kadar cukai pendapatan individu
- C Menaikkan bayaran lesen memandu
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman kenderaan

10 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Unit)
8	6
10	4

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga naik dari RM8 ke RM10?


- A 0.04
 - B 0.75
 - C 1.33
 - D 2.50
- 11 Penawaran sesuatu barang menjadi anjal apabila
- A Berlaku tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
 - B Bilangan firma yang sedikit dalam pasaran
 - C Mobiliti faktor pengeluaran yang rendah
 - D Pengeluaran berlaku dalam jangka masa Panjang
- 12 Gambar di bawah berkaitan sebuah institusi kewangan dalam negara.



Antara berikut, manakah yang merupakan fungsi institusi kewangan tersebut?

- A Menerima deposit daripada orang ramai
- B Menyediakan pinjaman peribadi
- C Mendiskaun bil pertukaran
- D Mengawal kestabilan ekonomi

- 13 Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis kemudahan simpanan di bank perdagangan.



Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kemudahan simpanan di atas?

- I Dikenakan caj perkhidmatan
 - II Wang tidak boleh dikeluarkan sesuka hati
 - III Tidak boleh menggunakan cek
 - IV Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan overdraf
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 14 Kolej komuniti di seluruh negara menyediakan pelbagai kursus jangka pendek kepada orang ramai. Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?
- A Jaminan kerja
 - B Prospek pekerjaan
 - C Pengalaman dan kemahiran
 - D Suasana tempat kerja
- 15 Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang upah benar?
- I Upah yang diterima dalam bentuk wang
 - II Digunakan untuk meningkatkan taraf hidup individu
 - III Merujuk kepada kemampuan upah wang untuk membeli barang
 - IV Keupayaan menghasilkan barang dan perkhidmatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Antara yang berikut yang manakah merupakan pasangan pernyataan yang tepat?

	Keperluan	Kehendak
A	Harga barang keperluan biasanya dikawal oleh kerajaan	Harga barang kehendak ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran
B	Barang keperluan mempunyai banyak pilihan	Barang kehendak adalah terhad kepada beberapa jenis barang sahaja
C	Barang keperluan adalah penting untuk mencapai kehidupan yang selesa	Barang kehendak bertujuan untuk mencapai kesejahteraan hidup yang minimum
D	Dipengaruhi oleh pendapatan individu	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan individu

17 Maklumat manakah yang **betul** tentang kaedah pembayaran?

	Bayaran Tunai	Bayaran Kredit
A	Mudah mendapatkan perkhidmatan selepas jualan	Dapat menikmati barangan mewah
B	Tidak dapat melindungi diri daripada inflasi	Boleh menggunakan barang yang dibeli untuk menjana pendapatan
C	Menikmati harga yang lebih murah	Barang menjadi hak milik selepas membayar pendahuluan
D	Dapat meningkatkan taraf hidup	Mendorong pengguna berjimat cermat

18 Antara berikut yang manakah tepat berkaitan pulangan bagi setiap risiko pelaburan

	Simpanan Tetap	Hartanah	Logam Berharga
A	Rendah	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Tinggi	Rendah
C	Tinggi	Rendah	Tinggi
D	Rendah	Rendah	Rendah

19 Pernyataan yang manakah betul tentang konsep pengeluaran?

- A Pengeluaran jangka masa panjang adalah melebihi lima tahun
- B Fungsi pengeluaran menunjukkan bagaimana input digabungkan untuk menghasilkan output
- C Apabila jumlah keluaran mencapai maksimum keluaran purata menjadi sifar
- D Keluaran marginal merupakan perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada penggunaan satu unit input tetap

20 Antara berikut, yang manakah menunjukkan peningkatan produktiviti?

	Input	Output
A	Tambah 5%	Kurang 10%
B	Kurang 10%	Kurang 15%
C	Tetap	Kurang 10%
D	Tetap	Tambah 15%

21 Gambar di bawah menunjukkan satu pengeluaran yang dilakukan oleh pihak kerajaan



Mengapakah pihak kerajaan dikatakan memonopoli secara semula jadi pengeluaran di atas.

- A Firma lain bebas untuk memasuki industri
- B Terlalu banyak firma bersaing dalam pengeluaran
- C Pihak pengeluar boleh menentukan harga pasaran
- D Banyak keluaran pengganti sempurna bagi pengeluaran di atas

22 Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar harga maksimum dan dasar harga minimum?

- I Dapat mengurangkan eksternaliti negatif
 - II Dapat mengatasi masalah lebih barangan di pasaran
 - III Pengeluar dapat memperoleh untung yang lebih tinggi
 - IV Pengguna dapat membeli barang pada harga yang berpatutan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Antara yang berikut, yang manakah tergolong dalam wajaran kumpulan barangan dan perkhidmatan utama dalam indeks harga pengguna (IHP)?

- I Restoran dan hotel
 - II Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
 - III Keselamatan
 - IV Kebudayaan dan kerohanian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan inflasi.

Kos sara hidup semakin meningkat menyebabkan masyarakat menjadi kurang mampu untuk membeli barang dan perkhidmatan untuk memuaskan kehendak mereka

Penyataan di atas merupakan kesan inflasi terhadap

- A Tabungan
- B Harga barang
- C Kadar faedah
- D Pendapatan

25 Maklumat di bawah berkaitan perbualan antara dua orang sahabat

Awak kerja kat mana sekarang Hana.... Aku belum kerja lagi sejak keluar universiti tahun lepas.



Aku pun samalah Lina... Baru kejam tadi aku pergi mohon kerja... Tapi belum ada kekosongan... Katanya ekonomi sekarang lembap.

Pengangguran manakah yang berkaitan dengan situasi di atas.

- A Pengangguran berstruktur
- B Pengangguran kitaran
- C Pengangguran bermusim
- D Pengangguran teknologi

26 Antara berikut, yang manakah **bukan** cukai langsung?

- A Cukai pintu
- B Cukai perkhidmatan
- C Cukai pendapatan koperasi
- D Cukai keuntungan hartanah

27 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi

Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada paras 3.9% dalam tempoh 8 bulan pertama 2017, berbanding 2.3% dalam tempoh masa yang sama tahun lalu.

Sumber: <http://bharian.com.my> 27/10/2017

Apakah tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Kadar Cukai	Perbelanjaan Kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

28 Apakah kesan pelaksanaan dasar kewangan mengembang oleh Bank Negara terhadap ekonomi?

- A Mengawal kenaikan harga barang
- B Mengurangkan kuasa beli pengguna
- C Menjejaskan aktiviti pengeluaran barang
- D Menurunkan kadar pengangguran dalam ekonomi

29 Antara faktor-faktor penggalak globalisasi sebuah negara ialah

- I Ekonomi negara yang semakin liberal
 - II Kewujudan pelbagai syarikat multinasional
 - III Wujudnya blok perdagangan antara wilayah dan rantau
 - IV Pelbagai sekatan ekonomi diperkenalkan oleh sesebuah negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

30 Pernyataan di bawah berkaitan dengan kepentingan perdagangan antarabangsa.

Menteri pertanian dan Industri Asas Tani berkata bahawa kejayaan penganjuran Festival Durian Malaysia 2017 (FDM 2017) di Hang Yang City South Square Naning, Guangxi, China. Membuktikan raja buah itu mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat itu.

Kepentingan perdagangan antarabangsa tersebut merujuk

- A Meluaskan pasaran
- B Menggalakkan pelaburan
- C Meningkatkan kecekapan pengeluaran
- D Menikmati barang dengan harga yang lebih murah

- 31 Kerajaan Malaysia pernah mengenakan embargo terhadap Amerika Syarikat pada tahun 1973. Apakah kesan daripada tindakan tersebut?
- A Meningkatkan permintaan ke atas barang keperluan
 B Meningkatkan hasil kerajaan melalui cukai eksport
 C Menjejaskan hubungan baik antara negara dengan negara lain
 D Melindungi lambakan barang import dalam pasaran tempatan
- 32 Situasi yang manakah mempengaruhi peningkatan dalam permintaan Ringgit Malaysia?
- I Alia dan Ain ke Jakarta untuk menyaksikan kejohanan Sukan Asia
 II Puan Hawa menggunakan Qatar Airways ketika pulang ke Malaysia
 III Lima pelancong dari Peru menginap di Hotel Apollo di Johor Bahru
 IV Jonathan dari Belanda menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Terengganu
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 33 Lebihan akaun semasa berlaku apabila jumlah penerimaan kewangan melebihi jumlah pembayaran kewangan dalam akaun semasa. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya lebihan Akaun Semasa?
- A Permintaan yang tinggi untuk import
 B Permintaan yang tinggi untuk eksport
 C Peningkatan pembayaran pendapatan sekunder dan primer
 D Permintaan yang rendah untuk eksport

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran Dolar Singapura (S\$) dan Dolar Amerika Syarikat (US\$) dengan Ringgit Malaysia (RM)

S\$1.00 = RM2.00	US\$1 = RM4.00
-------------------------	-----------------------

- A US\$1 = S\$0.50
 B US\$1 = S\$1.00
 C US\$1 = S\$1.50
 D US\$1 = S\$2.00
- 35 Maklumat di bawah berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing.

Januari 2018	100 Baht = RM 11.00
Jun 2018	100 Baht = RM 11.50

Apakah kesan kepada eksport dan import Malaysia apabila berlaku perubahan seperti di atas?

- A Eksport meningkat dan Import akan menurun
 B Eksport menurun dan Import akan meningkat
 C Eksport menurun dan Import akan menurun
 D Eksport meningkat dan Import akan meningkat

Pilihan jawapan bagi Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 36** I Peratus perubahan kuantiti diminta barang tidak anjal adalah lebih besar daripada peratus perubahan harga
- II Firma akan menaikkan harga bagi barang yang keluk permintaannya anjal untuk meningkatkan keuntungan
- 37** I Wang boleh digunakan sebagai alat bayaran tertunda kerana wang merupakan alat pertukaran yang sah.
- II Pemilikan posisi insurans nyawa dari Syarikat Takaful Ikhlas merupakan salah satu contoh fungsi wang sebagai alat simpanan nilai
- 38** I Pulangan pelaburan lebih tinggi daripada tabungan di bank perdagangan
- II Pelaburan lebih berisiko daripada tabungan di bank perdagangan
- 39** I KDNK merupakan nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh semua faktor pengeluaran dalam sesebuah negara
- II Malaysia menggunakan pendekatan keluaran dan pendekatan pendapatan dalam pengiraan KDNK.
- 40** I Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai.
- II Cukai jalan merupakan salah satu komponen cukai langsung

KERTAS SOALAN TAMAT